ZAINAL FIKRI HJ AHMAD & SATU LAGI A

lwn.

MALAYSIAN BUNKERS SYSTEM SDN BHD

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU B
AZAHAR MOHAMED PK
[PEMBERITAHU PERMULAAN NO: 26-8-2005]
20 MAC 2006

PROFESYEN UNDANG-UNDANG: *Saraan - Bil-bil kos - Penyerahan - Sama ada penghantaran bil-bil melalui akuan pos memadai - Keperluan peruntukan Akta Profesyen Undang-Undang 1976, s. 126(1) - Sama ada dipatuhi - Sama ada permohonan pempetisyen dibenarkan* C

PROFESYEN UNDANG-UNDANG: *Saraan - Lien - Kos yang dicukai - Wang penghakiman - Permohonan mencaj segala jenis bayaran - Sama ada firma berhak menerima bayaran guaman yang sewajarnya - Sama ada pempetisyen mempunyai lien terhadap pembayaran wang penghakiman dan kos - Sama ada permohonan pempetisyen dibenarkan* D E

Pempetisyen adalah peguambela dan peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya yang menjalan amalan guaman sebagai rakan-rakan kongsi di firma guaman Tetuan Zainal dan Badrol. Responden adalah sebuah syarikat yang telah melantik firma guaman pempetisyen sebagai peguamcara dalam kes-kes di mahkamah yang melibatkan F tuntutan-tuntutan atau rayuan responden dan lain-lain terhadap sebuah syarikat Destination Marine Services Sdn Bhd. Menurut pempetisyen, pada 20 April 2005, mereka telah menuntut dan menyampaikan kepada responden di alamat penyampai bil-bil kos perihal perkhidmatan dan kerja-kerja guaman yang telah dijalankan G oleh pempetisyen bagi pihak responden terhadap kes-kes tersebut. Responden telah gagal untuk menjelaskan jumlah-jumlah yang dituntut itu. Pada 16 Mei 2005, pempetisyen telah menulis kepada responden mencadangkan supaya bil-bil kos tersebut dirujuk kepada mahkamah berkenaan untuk dicukaikan. Responden tidak H memberi apa-apa jawapan. Oleh yang demikian, pempetisyen telah memfailkan permohonan-permohonan berikut: (i) permohonan pempetisyen di lampiran 2 di bawah s. 126(1) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 (Akta tersebut) dan (ii) permohonan pempetisyen di lampiran 6 untuk mencaj segala kenis bayaran sama I ada wang penghakiman atau kos yang dicukai yang diterima oleh

responden. Menurut responden, mereka hanya menerima bil-bil tersebut bersama-sama dengan permohonan di lampiran 2 pada 28 Jun 2005 dan menghujahkan bahawa sepatutnya penyerahan hendaklah melalui penyerahan kediri ataupun melalui pos berdaftar. Mengikut responden juga, responden hanya perlu membayar kepada firma pempetisyen jumlah sebanyak RM10,000 sahaja sebagaimana yang telah dipersetujui oleh pempetisyen dan responden.

Diputuskan (membenarkan permohonan pempetisyen di lampiran 2 dan lampiran 6):

(1) Cara penghantaran bil-bil melalui akuan pos sepertimana yang disediakan oleh Pos Malaysia adalah mencukupi dan memadai bagi tujuan s. 126(1) Akta tersebut. Cara yang sedemikian adalah cara yang munasabah untuk memberi notis atau pengetahuan kepada responden tentang bil-bil tersebut. Pihak pempetisyen telah mematuhi keperluan peruntukan s. 126(1) Akta yang berkenaan. Mahkamah membenarkan permohonan pempetisyen di lampiran 2. (perenggan 11 & 12)

(2) Mahkamah tidak dapat menerima dakwaan responden bahawa terdapatnya satu perjanjian di antara firma pempetisyen dengan responden untuk bayaran guaman sebanyak RM10,000 sahaja. Firma pempetisyen berhak menerima bayaran guaman yang sewajarnya daripada responden berkaitan perkhidmatan yang telah diberikan. Jumlah sebenar bayaran guaman itu akan diputuskan dan disahkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah ini setelah mencukai bil-bil yang berkenaan pada asas peguamcara dan klien. (perenggan 15)

(3) Pempetisyen selaku peguam yang bertindak mewakili responden dalam kes-kes yang berkenaan mempunyai *lien* terhadap pembayaran wang penghakiman dan kos yang telah diperolehi oleh responden melalui perkhidmatan, daya usaha dan dokumentasi yang dilakukan oleh pempetisyen. Responden nampaknya mengambil pendirian untuk menafikan hak pempetisyen bagi kos guamannya. Pempetisyen selaku peguamcara responden di dalam guaman-guaman atau tindakan-tindakan yang dinyatakan di jadual 1 di lampiran 6 dibenarkan untuk mencaj segala jenis bayaran sama ada wang penghakiman atau kos yang dicukai (taxed costs) yang dinyatakan di jadual 2 di lampiran 6 melibatkan pembayaran kepada responden berikutan khidmat guaman dan dokumen-

dokumen ('instrumentality') pempetisyen sebagai pembayaran kos-kos pempetisyen yang belum dijelaskan oleh responden setelah dicukai dan disahkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah ini dan selanjutnya diperintahkan bahawa caj yang dikenakan terhadap pembayaran-pembayaran tersebut akan terus dikekalkan selagi kos-kos pempetisyen belum diselesaikan dengan sepenuhnya. Oleh kerana itu, Mahkamah membenarkan lampiran 6, perintah 1 dan 2 berserta kos. (perenggan 22)

Perundangan yang dirujuk:
Legal Profesion Act 1976, ss. 124, 126(1)

Sumber-sumber yang dirujuk:
Cordery on Solicitors, 7th edn, ms 209, 287
Tan Tock Lin, *The law of the Advocates & Solicitors in Singapore & Malaysia*, 2nd edn, ms 739-740, 757

Bagi pihak pempetisyen - Badrol Hisham Mohd Sani; T/n Zainal & Badrol
Bagi pihak responden - N Mariappan; T/n N Mariappan & Assoc

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Azahar Mohamed PK:

[1] Di hadapan saya terdapat dua permohonan iaitu, pertama permohonan pempetisyen di lampiran 2 di bawah s. 126(1) Akta Profesyen Undang-Undang 1976 (selepas daripada ini di rujuk Akta tersebut) dan, kedua permohonan pempetisyen di lampiran 6 untuk mencaj segala jenis bayaran samada wang penghakiman atau kos yang di cukai yang diterima oleh responden.

[2] Untuk memahami permohonan-permohonan tersebut perlu bagi saya menjelaskan latarbelakang kes ini seperti yang berikut. Pempetisyen adalah peguambela dan peguamcara di Mahkamah Tinggi Malaya yang menjalankan amalan guaman sebagai rakan-rakan kongsi di firma guaman Tetuan Zainal dan Badrol beralamat di Lot 2.15, Tingkat 2 Bangunan Angkasaraya, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur dan cawangannya di No. 5B, Tingkat 1, Bangunan MARA, Jalan Segget, 80000 Johor Bahru. Responden pula adalah sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia dan mempunyai alamat penyampaian di P.O Box No. 55, Masai Post Office, 81750 Masai, Johor Darul Ta'zim.

[3] Responden telah melantik firma guaman pempetisyen sebagai peguamcara dalam kes-kes di mahkamah yang dinyatakan di bawah yang melibatkan tuntutan-tuntutan atau rayuan responden dan lain-lain terhadap sebuah syarikat yang bernama Destination Marine Services Sdn. Bhd.:

i) Dalam Mahkamah Tinggi Johor Bahru Guaman No: 22-68-1993;

ii) Dalam Mahkamah Rayuan Putrajaya Rayuan No: J-02-1052-2001;

iii) Dalam Mahkamah Persekutuan Putrajaya Permohonan No: 08-59-2004 (J);

iv) Dalam Mahkamah Tinggi Johor Bahru Rayuan No: MT4-12-109-2002;

v) Dalam Mahkamah Sesyen Johor Bahru Saman No: 896-22-67-1993 (5);

[4] Menurut pempetisyen pada 20 April 2005, mereka telah menuntut dan menyampaikan kepada responden di alamat penyampai seperti yang saya nyatakan di atas bil-bil kos perihal perkhidmatan dan kerja-kerja guaman yang telah dijalankan oleh pempetisyen bagi pihak responden terhadap kes-kes tersebut yang mana kesemuanya telah ditandatangani oleh pempetisyen. Butir-butir bil kos adalah seperti yang berikut:

Butir-butir bil. Kos

	No. Bil	Tarikh	Jumlah (RM)
i)	114/2005	20/4/2005	145,341
ii)	115/2005	20/4/2005	20,805.50
iii)	116/2005	20/4/2005	6,578
iv)	117/2005	20/4/2005	7,285
v)	118/2005	20/4/2005	22,528
vi)	119/2005	20/4/2005	104,606.50
vii)	120/2005	20/4/2005	25,000

[5] Menurut pempetisyen responden telah gagal untuk menjelaskan jumlah-jumlah yang dituntut itu. Pada 16 Mei 2005, pempetisyen telah menulis kepada responden mencadangkan supaya bil-bil kos tersebut dirujuk kepada mahkamah berkenaan untuk dicukaikan. Responden tidak memberi apa-apa jawapan kepada cadangan yang dibuat oleh pempetisyen. Oleh yang demikian, pempetisyen telah memfailkan permohonan-permohonan di lampiran 2 dan juga di lampiran 6. Itu adalah secara ringkasnya latar belakang kes ini.

[6] Sekarang saya beralih mempertimbangkan permohonan di lampiran 2 iaitu permohonan pempetisyen untuk mendapatkan perintah-perintah seperti yang berikut:

(i) Bil-bil kos no. 114/2005, 115/2005, 116/2005, 117/2005, 118/2005, 119/2005, 120/2005 kesemuanya bertarikh 20/4/2005 yang disampaikan kepada responden oleh pempetisyen dirujuk kepada Timbalan-Timbalan Pendaftar Mahkamah-Mahkamah yang berkenaan dengan prosiding-prosiding melibatkan bil-bil tersebut untuk dicukaikan dan pempetisyen memberi potongan terhadap kesemua wang yang telah dibayar oleh/atau bagi pihak responden;

(ii) Timbalan-Timbalan Pendaftar Mahkamah tersebut mencukai bil-bil kos tersebut yang telah dirujuk dan mengesahkan jumlah-jumlah yang didapati mesti dibayar oleh responden kepada pempetisyen pada kadar peguamcara dan klien berserta dengan kos untuk rujukan ini;

(iii) Jumlah-jumlah bil kos yang telah disahkan oleh Timbalan-Timbalan Pendaftar mesti dibayar oleh responden kepada pempetisyen berserta dengan faedah pada kadar 8% setahun dari tarikh Pempetisyen dilantik sehingga tarikh-tarikh pembayaran; dan

(iv) Lain-lain perintah sepertimana difikirkan adil dan suaimanfaat.

[7] Mula-mula sekali saya ingin merujuk kepada s. 126(1) Akta tersebut yang memperuntukan seperti yang berikut:

> An order for the taxation of a bill of costs delivered by any advocate and solicitor may be obtained by a petition as a matter of course by the party chargeable therewith, or by any person liable to pay the cost either to the party chargeable or to the advocate and solicitor, at any time within six months from the delivery of the bill or, by the advocate and solicitor after the expiration of any calendar month, and within a year from the delivery.

[8] Dalam konteks kes di hadapan saya ini, menurut peruntukan seksyen tersebut, permohonan melalui petisyen ini hendaklah difailkan selepas tamat tempoh satu bulan dan dalam tempoh setahun daripada bil-bil tersebut dihantar kepada responden. Seksyen 124 Akta tersebut pula, antara lain, memperuntukan bahawa bil-bil tersebut boleh "... sent by post to, or left with him at, his office or place of business, dwelling house or last known place of abode ...". Responden menafikan menerima bil-bil yang berkenaan. Menurut responden mereka hanya menerima bil-bil tersebut bersama-sama dengan permohonan di lampiran 2 pada 28 Jun 2005. Peguam responden yang bijaksana telah menghujahkan bahawa sepatutnya penyerahan hendaklah melalui penyerahan kediri ataupun melalui pos berdaftar. Dalam hubungan ini saya ingin merujuk kepada buku '*Cordery on Solicitors* (7th edition)' di mana di ms 209 dinyatakan seperti berikut:

> 1) What constitutes delivery
>
> A bill actually delivered, though misdirected, is well delivered, so is a bill delivered to the client's solicitor authorized to take delivery, or to a second solicitor in a cause, who has obtained a judge's order for delivery, but sending a bill to a client's solicitor as a matter of courtesy is not delivery to the client. Delivery may be made to a servant of the person charged, or at a solicitor's office where he has directed letters, etc. to be left.
>
> 2) Evidence of delivery
>
> Putting the bill in the public post, or into a private box which the postmen clears daily, and the endorsement on the bill that it has been delivered in the handwriting of a dead clerk whose business it was to deliver it, are *prima facie* evidence of delivery.

[9] Di dalam afidavit menyokong permohonan ini di lampiran 3, perenggan 9, pempetisyen menyatakan bahawa melalui surat bertarikh 20 April 2005 firma pempetisyen telah menyerahkan kepada responden melalui akuan pos di P.O Box 55, Masai Post Office, 81750 Masai, Johor Darul Takzim semua bil kos no. 114/2005, 115/2005, 116/2005, 117/2005, 118/2005, 119/2005, 120/2005 yang bertarikh 20 April 2005. Di lampirkan bersama afidavit yang berkenaan sesalinan surat bertarikh 20 April 2005 dan bil-bil tersebut. Akuan Pos (Certificate of posting) bertarikh 22 April 2005 juga telah dikemukakan oleh pempetisyen sebagai ekshibit menyokong permohonan ini. Pempetisyen juga telah memfailkan

afidavit Mohd. Nor Azmi bin Mohamad Hirman Harry Doss di lampiran 11, iaitu seorang kerani yang bekerja dengan pempetisyen. Berhubung dengan isu mengenai penyerahan bil-bil tersebut beliau menyatakan seperti yang berikut:

> 3. Saya telah diarahkan oleh majikan saya untuk menghantarkan kepada Malaysian Bunkers System Sdn. Bhd. (selepas ini dikenali sebagai 'syarikat tersebut') surat Tetuan Zainal & Badrol bertarikh 20/4/2005 bersama-sama dengan bil-bil lengkap no. 114/2005, 115/2005, 116/2005, 117/2005, 118/2005, 119/2005 dan 120/2005 di alamat surat menyurat syarikat tersebut di peti surat no. 55 Pejabat Pos Masai, Masai Johor Darul Takzim (selepas ini dikenali sebagai "alamat surat menyurat syarikat tersebut").
>
> 4. Saya telah pada 20/4/2005, hadir dengan sendiri di alamat surat menyurat Syarikat tersebut di peti surat no. 55, Pejabat Pos Masai, Masai, Johor Darul Takzim untuk meletakkan di dalam peti surat syarikat tersebut surat Tetuan Zainal & Badrol bertarikh 20/4/2005 bersama-sama dengan bil-bil yang dinyatakan di perenggan 3 di atas tetapi tidak dibenarkan oleh petugas pos di pejabat pos tersebut. Saya telah diarahkan oleh petugas pos tersebut untuk mengeposkan surat tersebut berserta dengan bil-bil tersebut ke alamat surat menyurat syarikat tersebut secara pos biasa dan petugas pos akan memasukkan dokumen-dokumen berkenaan ke dalam peti surat menyurat syarikat tersebut.
>
> 5. Saya telah pada 22/4/2005 hadir di Pejabat Pos Besar Johor Bahru, Jalan Dato Onn, 80000 Johor Bahru dan telah mengeposkan surat bertarikh 20.4.2005 bersama-sama dengan bil-bil yang dilampirkan kepada alamat surat menyurat syarikat tersebut dengan surat akuan mengepos.
>
> 6. Petugas pos di Pejabat Pos Besar di Johor Bahru telah menerima dan mencop di setem di dalam slip akuan surat mengepos yang dipulangkan kepada saya tanpa menurunkan tandatangan di tempat akuan menerima. Saya dengan ini mengesahkan bahawa surat bertarikh 20/4/2005, telah diposkan pada 22/4/2005, kepada alamat surat menyurat syarikat tersebut mengikut amalan biasa pos.

[10] Pempetisyen juga telah memfaikan satu afidavit Pengurus Cawangan Pejabat Pos Besar, Johor Bahru di lampiran 14 yang telah mengesahkan ketulinan akuan pos yang berkenaan. Inilah apa yang dinyatakan oleh Pengurus tersebut dalam hubungan ini:

A

5. Saya dengan ini mengesahkan bahawa berdasarkan dengan resit-resit surat akuan mengepos tersebut dan amalan pos biasa, wakil daripada Tetuan Zainal & Badrol telah hadir di Pejabat Pos Besar di Johor Bahru pada 22/4/2005, 17/5/2005 dan 13/6/2005, untuk mengeposkan 3 sampul surat dengan melekatkan setem di resit surat akuan mengepos tersebut dan menyerahkan kepada kerani-kerani di kaunter pos untuk dimatikan setem.

B

6. Kerani pos tersebut telah menerima atau mengambil 3 sampul surat berkenaan dan mematikan setemnya di resit-resit surat akuan mengepos tersebut dengan meletakkan tarikhnya sekali.

C

7. Kerani tersebut tidak menurunkan tandatangannya di dalam resit-resit surat akuan mengepos tersebut tetapi ini tidak bermakna sampul surat tersebut tidak diterima atau diposkan mengikut amalan biasa mengepos.

D

8. 3 sampul surat yang dikemukakan oleh Tetuan Zainal & Badrol telah diambil kerani tersebut pada tarikh-tarikh berkenaan dan diposkan kepada alamat yang tercatit di dalam resit-resit surat akuan mengepos iaitu Malaysian Bunkers Systems Sdn. Bhd. di alamatnya di Peti Surat 55, Pejabat Pos Masai, Johor Darul Takzim. Berdasarkan dengan amalan pos biasa surat-surat tersebut akan sampai di destinasinya dan dimasukkan ke dalam peti surat tersebut oleh kakitangan Pos Malaysia sehari selepas surat-surat tersebut diposkan.

E

F

9. Saya dengan ini mengesahkan bahawa resit-resit surat akuan mengepos sepertimana ditunjukkan di dalam perenggan 3 di atas adalah sebagai bukti bahawa pihak Pos Malaysia telah menerima 3 sampul surat berkenaan untuk diposkan mengikut amalan pos biasa kepada alamat di dalam perenggan 8 di atas.

G

10. Jika surat-surat tersebut tidak dapat disampaikan kepada alamat berkenaan, surat-surat tersebut akan dipulangkan kepada pihak yang menghantarnya iaitu Tetuan Zainal & Badrol. Jika surat-surat tidak dipulangkan kepada Tetuan Zainal & Badrol ia boleh dianggap sebagai sudah dihantar kepada alamat yang ditujukan.

H

[11] Pada pandangan saya cara penghantaran bil-bil melalui akuan pos sepertimana yang disediakan oleh Pos Malaysia adalah mencukupi dan memadai bagi tujuan s. 126(1) Akta tersebut. Cara yang sedemikian adalah cara yang munasabah untuk memberi notis atau pengetahuan kepada responden tentang bil-bil tersebut.

I

[12] Dengan yang demikian, saya berpendapat bahawa pihak pempetisyen telah mematuhi keperluan peruntukan s. 126(1) Akta yang berkenaan. Oleh kerana itu berdasarkan alasan-alasan yang dihuraikan di atas saya membenarkan permohonan pempetisyen di lampiran 2

[13] Kini, saya beralih kepada permohonan di lampiran 6 untuk perintah-perintah yang berikut:

(i) Pempetisyen selaku peguamcara responden di dalam guaman-guaman atau tindakan-tindakan yang dinyatakan di dalam jadual 1 dibenarkan untuk mencaj segala jenis bayaran samada wang penghakiman atau kos yang di cukai ('taxed costs') yang dinyatakan di dalam jadual 2 di sini melibatkan pembayaran kepada responden berikutan khidmat guaman dan dokumen-dokumen ('instrumentality') pempetisyen sebagai pembayaran kos-kos pempetisyen melalui bil no. 114/2005, 115/2005, 116/2005, 117/2005, 118/2005, 119/2005 dan 120/2005 yang belum dijelaskan oleh responden.

(ii) Caj yang dikenakan terhadap bayaran-bayaran tersebut akan terus dikekalkan selagi kos-kos pempetisyen belum diselesaikan dengan sepenuhnya.

(iii) Responden samada dengan sendirinya atau melalui agen, wakil atau pekerjanya dicegah atau dihalang melalui satu perintah Mahkamah Yang Mulia ini daripada menuntut atau menerima apa-apa bayaran yang di nyatakan di dalam jadual 2 di sini selagi kos-kos pempetisyen belum diselesaikan dengan sepenuhnya.

[14] Berkaitan dengan permohonan ini, seperti yang saya nyatakan di awal tadi, pempetisyen mewakili responden untuk antara lain kes-kes berikut:

1. Dalam Mahkamah Tinggi Johor Bahru Guaman No: 22-68-1993;

2. Dalam Mahkamah Rayuan Putrajaya Rayuan No: J-02-1052-2001;

3. Dalam Mahkamah Persekutuan Putrajaya Permohonan No: 08-59-2004 (J).

[15] Ketiga-tiga kes tersebut berkaitan di antara satu sama lain di-mana satu penghakiman persetujuaan telah direkodkan di Mahkamah Persekutuan pada 17 Januari 2005. Mengikut penghakiman persetujuan ini, responden berhak menerima secara

ansuran bayaran oleh Destination Marine Services Bhd jumlah penghakiman sebanyak RM800,000 dan kos yang dicukai di Mahkamah Tinggi sebanyak RM80,000. Sebagai bayaran guaman bagi semua perkhidmatan yang diberikan oleh firma pempetisyen kepada responden berkaitan kes-kes tersebut, responden hanya membayar kepada firma pempetisyan jumlah sebanyak RM10,000 sahaja. Mengikut responden jumlah tersebut adalah sebagaimana yang telah dipersetujui oleh pempetisyen dan responden. Sebaliknya, pempetisyen menafikan terdapatnya perjanjian untuk menghadkan pembayaran kos guaman kepada RM10,000 sahaja kerana dikatakan perjanjian sedemikian tidak boleh dilaksanakan, tidak sah dan bercanggah dengan s. 116 Akta tersebut. Selanjutnya pempetisyen menegaskan pembayaran sebanyak RM10,000 sebagai kos kepada firma pempetisyen adalah sesuatu yang tidak munasabah berdasarkan perkhidmatan yang diberikan. Selain daripada bayaran sejumlah RM10,000 tersebut, responden enggan membayar apa-apa bayaran kos guaman dan perbelanjaan yang lain. Saya telah menimbangkan isu ini dengan teliti. Berdasarkan semua keterangan affidavit yang di failkan oleh kedua-dua belah pihak yang telah saya perhalusi, saya tidak dapat menerima dakwaan responden bahawa terdapatnya satu perjanjian di antara firma pempetisyen dengan responden untuk bayaran guaman sebanyak RM10,000 sahaja. Pada pandangan saya firma pempetisyen berhak untuk menerima bayaran guaman yang sewajarnya daripada responden berkaitan perkhidmatan yang telah diberikan. Jumlah sebenar bayaran guaman itu akan di putuskan dan di sahkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah ini setelah mencukai bil-bil yang berkenaan pada asas peguamcara dan klien.

[16] Berbalik kepada latar belakang kes ini, pada 20 April 2005 pempetisyen telah menuntut dan menyampaikan kepada responden dengan bil-bil kos perihal perkhidmatan dan kerja-kerja guaman yang telah di jalankan oleh pempetisyen bagi pihak responden terhadap kes-kes yang berkenaan. Butir-butir bil kos tersebut sudahpun saya senaraikan di awal penghakiman ini. Namun, responden tidak memberikan respon terhadap tuntutan tersebut.

[17] Mengikut Akta tersebut, dalam sesuatu keadaan yang tertentu, mahkamah boleh mengeluarkan satu perintah bahawa seorang peguambela dan peguamcara dibenarkan untuk mencaj segala harta yang diperolehi oleh kliennya berkaitan sesuatu kes atau prosiding yang mana peguambela dan peguamcara tersebut

telah memberi perkhidmatan yang berkaitan. Perkara ini jelas di nyatakan dalam s. 123 Akta tersebut yang memperuntukkan seperti berikut:

> Any court in which an advocate and solicitor has been employed to prosecute or defend any suit, matter or proceeding may at any time declare the advocate and solicitor entitled to a charge on the property recovered or preserved in such suit, matter of proceeding for such advocate and solicitor's taxed costs in reference to that suit, matter or proceeding, and may make such orders for the taxation of the costs and for raising money to pay, or for paying, the costs out of the property as it thinks fair and reasonable, and all conveyance and acts done to defeat, or operating to defeat, that charge shall, except in the case of a conveyance to a *bona fide* purchaser for value without notice, be void as against the advocate and solicitor;

[18] Dalam hubungan ini, saya ingin merujuk kepada buku '*Cordery on Solicitors* (7th edn)' di mana penulisnya di ms 287 menyatakan seperti yang berikut:

> 1) Generally
>
> A solicitor has at common law a 'lien' over property recovered or preserved or the proceeds of any judgment obtained by his work on his client's behalf for the costs incurred thereby which have been authorized by his retainer. Since the right to the *lien* presupposes that his retainer entitles him to costs, the solicitor cannot acquire that right when his retainer is void, for illegality. This common law *lien* is in fact not a mere lien but a claim to the equitable interference of the court to have the judgment held as a security for costs. This so-called 'lien' is good as against the client even although the 'property recovered or preserved' is not in his possession, eg, in the hands of a defendant against whom his client has obtained judgment.
>
> 2. Property subject to *lien*
>
> The lien attaches to all property except real property, for example money payable under a judgment or award, the proceeds of execution, or money payable under a compromise or paid into court.

3. Enforcement of *lien*

Owing to the nature of the common law *lien* on property recovered or preserved the solicitor may apply to the court for its enforcement where there is a probability that the client will attempt to deprive him of his costs. Upon such application the court may grant an injunction restraining the client from receiving, or the paying party from making, payment without notice to the solicitor, or order payment of costs out of a fund in court to which the client is entitled or declare the applicant entitled to a charge on the property. The *lien* may be enforced notwithstanding that recovery of the debt is statute-barred, but the court will not interfere before the costs secured are ascertained by agreement or taxation, at least not to the prejudice of the client.

[19] Selanjutnya, saya ingin merujuk kepada buku *"The law of the Advocates & Solicitors in Singapore & Malaysia"* (2nd edn) oleh Tan Tock Lin di mana di ms 739-740 penulis telah menyatakan seperti berikut:

SOLICITOR'S *LIEN*

The solicitor's *lien* is an important consideration in any treatment of remuneration because it affords something in the nature of a limited security for payment of the solicitor's costs.

There are two kinds of *lien*; a retaining *lien* and a common law *lien*. ... The common law *lien* is rather more limited, being a *lien* on the fruits of the judgment where a successful judgment has been obtained by a solicitor on behalf of his client. On top of both ... the intervention of stature has created what may be called a statutory *lien*, which takes the form of a charging order on property successfully recovered by the solicitor for his client.

Whichever *lien* is asserted, the effect is to embarrass the client, for the latter will be unable to secure possession of his papers and property unless he pay the solicitor what is due.

[20] Selanjutnya penulis buku ini di ms 752-753 menyatakan:

Common law *lien*.

The common law *lien* is a *lien* on a judgment successfully obtained for the client. ... The solicitor's common law right in respect of a judgment is accurately expressed as a claim to equitable interference of the court to have the judgment held as security for the solicitor's debt. Its rational is well-stated by Lord

Kenyon in *Read v. Dupper* as follows: 'the party should not run away with the fruit of the case without satisfying the legal demands of his attorney, by whose industry and, in many cases, at whose expense these fruits are obtained.'

[21] Pada pandangan saya perkataan harta (property) dalam s. 123 Akta tersebut juga termasuk segala jenis bayaran samada wang penghakiman atau kos yang di cukai. Mengenai perkara ini buku *"The law of the Advocates & Solicitors in Singapore & Malaysia"* (2nd edn) di ms 757 menyatakan:

Meaning of property recovered or preserved

There will seldom be serious difficulty as there is some property recovered or preserved as to which a charging order may be made. Property, which is tangible, is certainly property for the purposes of the section. Intangible property such as a chose in action is also property for the purpose of the section. In *Fairfold Ltd. v. Exmounth Docks Co (No. 2)* the chose in action was authority that costs which had been taxed would be property capable of being subject to a charging order. Likewise, where the costs are the only asset recovered in the suit, matter or proceeding. There was also authority that a liquidated sum due under an unsatisfied judgment is property as well as unliquidated damages, which has yet to be assessed. The court held that there was no distinction between a judgment for a liquidated sum, a judgment for damages to be assessed and an order of costs where taxation had taken placed and one where it had not.

[22] Setelah menimbangkan dengan teliti segala fakta serta keadaan kes ini dan undang-undang berkaitan yang telah saya huraikan di atas saya mendapati pempetisyen selaku peguam yang bertindak mewakili responden dalam kes-kes yang berkenaan mempunyai *lien* terhadap pembayaran wang penghakiman dan kos yang telah diperolehi oleh responden melalui perkhidmatan, daya usaha dan dokumentasi yang dilakukan oleh pempetisyen. Responden nampaknya mengambil pendirian untuk menafikan hak pempetisyen bagi kos guamannya. Dengan yang demikian saya memerintahkan bahawa pempetisyen selaku peguamcara responden di dalam guaman-guaman atau tindakan-tindakan yang dinyatakan di jadual 1 di lampiran 6 dibenarkan untuk mencaj segala jenis bayaran samaada wang penghakiman atau kos yang dicukai ('taxed costs') yang dinyatakan di jadual 2 di lampiran 6 melibatkan pembayaran kepada responden berikutan khidmat guaman dan dokumen-dokumen ('instrumentality') pempetisyen sebagai

pembayaran kos-kos pempetisyen melalui bil no: 114/2005, 115/2005, 116/2005, 117/2005, 118/2005, 119/2005 dan 120/2005 yang belum dijelaskan oleh responden setelah dicukai dan disahkan oleh Timbalan Pendaftar Mahkamah ini dan selanjutnya di perintahkan bahawa caj yang dikenakan terhadap bayaran-bayaran tersebut akan terus dikekalkan selagi kos-kos pempetisyen belum diselesaikan dengan sepenuhnya. Oleh kerana itu saya membenarkan lampiran 6, perintah 1 dan 2 berserta kos.